

## UNDERSTANDING THE CONCEPT AND CHARACTERISTICS OF *ASNAF ZAKAT AL-GHARIMIN* THROUGH HADITH *NABAWI*

### MEMAHAMI KONSEP DAN CIRI *ASNAF ZAKAT AL-GHARIMIN* MENERUSI HADIS *NABAWI*

Ahmad Mahmoud Ahmad Mahmoud, Muhammad Fakhruddin Ishak, Hasiah Mat Salleh, Muhamad Nizam Haji Jamaludin & Abdul Halim Abdul Karim,  
Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)

#### *Abstract*

*This article discusses the concept and characteristic of zakat asnaf al-Gharimin according to the prophetic hadiths. On the basis, al-Gharimin is one of the asnaf that has been mentioned in the Quran. Issues with regard to al-Gharimin have also been discussed in the prophetic hadith as the second source of Islamic law. Literature review indicates that there are differences in determining the concepts and characteristics of eligibility to zakat recipients under the asnaf of al-Gharimin that have been adopted by zakat institutions all around Malaysia. Besides, there are also issues with regard to the distribution of zakat under the asnaf of al-Gharimin to individuals affected by the Covid-19 pandemic. The purpose of this study is to enlighten the concept of asnaf al-Gharimin and its characteristics in prophetic Hadith. This study applied the method of secondary analysis by referring to the prophetic hadiths which discussed on asnaf al-Gharimin together with the other references such as journal articles, books, websites of zakat institution and Islamic religious councils of states in Malaysia. Finding shows that the concept of asnaf al-Gharimin refers to (1) an individual who is in debt to fulfil the needs of himself, his family or dependents, (2) a rich individual who is in debt due to the public interest and (3) a guarantor for others who are in debt. (4) people who suffered deterioration of life in consequence of the pandemic (5) people who is afflicted with a terrible disaster resulting on destruction and loss of his property. The implications of this study seek for redefinition of the asnaf of al-Gharimin and an expansion to the characteristics of the asnaf of al-Gharimin that are adopted by the zakat distribution agencies in Malaysia.*

**Keywords:** *zakat, asnaf, al-Gharimin, hadith*

#### **Penulis Utama:**

Muhammad Fakhruddin  
Ishak

Jabatan Syariah

Fakulti Pengajian Islam

Kolej Universiti Islam  
Pahang Sultan Ahmad  
Shah (KUIPSAS)

#### **E-mel:**

fakhruddin@kuipsas.edu.  
my

### Abstrak

Artikel ini membincangkan konsep dan ciri asnaf zakat al-gharimin menurut hadis Nabawi SAW. Pada asasnya, al-gharimin merupakan salah satu asnaf yang disebut dalam al-Quran. Persoalan berkaitan al-gharimin juga turut dibincangkan di dalam hadis-hadis Nabi sebagai sumber kedua perundangan Islam. Kajian literatur menunjukkan terdapat perbezaan dalam penentuan konsep dan ciri-ciri kelayakan penerima zakat asnaf al-gharimin yang diguna pakai oleh institusi-institusi zakat di Malaysia. Di samping itu, wujud persoalan memberikan zakat asnaf al-gharimin kepada individu yang teribat dengan musibah pandemik Covid 19. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk menjelaskan konsep asnaf al-gharimin dan ciri-cirinya berdasarkan huraian hadis Nabi SAW. Kajian ini mengaplikasikan metode kajian analisis sekunder dengan merujuk kepada hadis-hadis Nabi SAW yang membincangkan tentang asnaf al-gharimin serta bahan rujukan lain seperti artikel-artikel jurnal, buku-buku, laman-laman web institusi zakat dan majlis agama Islam negeri-negeri di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan ciri asnaf al-gharimin merujuk kepada (1) seseorang yang terpaksa berhutang bagi memenuhi keperluan diri, keluarga atau tanggungannya, (2) seseorang yang kaya namun terpaksa berhutang kerana masalah umat, (3) seseorang yang berhutang kerana menjamin orang lain yang berhutang (4) seseorang yang mengalami kemerosotan hidup akibat wabak serta (5) seseorang yang ditimpa musibah atau bencana sehingga kehilangan harta benda. Implikasi kajian ini turut menuntut penetapan semula definisi konsep asnaf al-gharimin dan peluasan kepada ciri-ciri asnaf al-gharimin yang digunapakai oleh agensi-agensi agihan zakat di Malaysia

**Kata kunci:** zakat, asnaf, al-gharimin, hadis

### PENDAHULUAN

Artikel ini bertujuan untuk membincangkan konsep dan ciri asnaf al-gharimin dalam hadis Nabi SAW. Islam merupakan agama yang menekankan konsep tolong menolong antara satu sama lain. Sifat tolong menolong ini dizahirkan menerusi instrumen pensyariaan zakat. Asnaf yang berhak dan layak menerima zakat *adalah golongan Al-gharimin* atau orang yang berhutang. Namun demikian, bukan semua orang yang berhutang layak menerima bantuan zakat kecuali memenuhi ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh syariat Islam. Surah al Taubah ayat ke-60 telah menetapkan antara komponen penerima zakat ialah asnaf *alGharimin*.

Penulisan berkaitan asnaf *al-gharimin* telah banyak dilakukan oleh penulis dan pengkaji terdahulu antaranya Hasan Bahrom & Muhammad Hakimi, (2014). Kajian beliau memfokuskan kepada sejauhmana keberkesanan agihan zakat kepada golongan *al-gharimin* dapat menyelesaikan masalah keberhutangan yang ditanggung oleh golongan ini. Liyana (2016) membuat kajian berkaitan takrif dan pelaksanaan agihan zakat tersebut dengan melihat konsep asal kepada asnaf *al-gharimin* berdasarkan empat mazhab, jenis-jenis hutang, faktor berhutang serta kesan dari hutang yang ditanggung bagi golongan *al-gharimin* di Negara Brunei Darussalam. Raziah (2014) pula mengkaji berkaitan *al-gharimin* muflis ini dilakukan sebagai panduan dalam menilai kelayakan muflis terhadap zakat asnaf *al-gharimin* yang sesuai dilaksanakan di Malaysia. Kajian Mahadi Mohammad et al. (2014) pula melihat takrif *al-gharimin* menurut fuqaha yang digunakan oleh institusi-institusi zakat di Malaysia serta cabaran penetapan takrif tersebut seterusnya kajian Faisol, (2019) dan Kamola Bayram dan

Basher Altarturi, (2020) menyatakan bahawa kewujudan golongan *al-gharimin* adalah disebabkan amalan yang membentuk budaya berhutang.

Permasalahannya, terdapat perbezaan dalam sudut penetapan kelayakan asnaf *al-Gharimin* antara institusi-institusi zakat di Malaysia. Kajian yang dilakukan oleh Hairunnizam et al. (2016) Mahadi Mohamad et al. (2014), Raziah, (2014), Syarifah Md. Yusof et al. (2015) mendapati bahawa terdapat perbezaan definisi golongan *al-gharimin* bagi hampir kebanyakan negeri di Malaysia. Perbezaan ini memberi kesan kepada kurangnya keberkesanan dan kepuasan hati penerima zakat terhadap ketidakseragaman agihan zakat yang telah dilaksanakan. Sulaiman (2020) pula dalam kajiannya mencadangkan keperluan dijalankan penyelidikan berkaitan justifikasi dan peranan agihan zakat di bawah asnaf *al-gharimin* bagi membantu individu-individu yang terkesan dengan pandemik COVID-19. Nur Aliah (2017) dan Zulaikha Sefis, (2017) membincangkan pelaksanaan agihan zakat di Selangor kepada golongan *al-gharimin* perubatan. Kajian ini dilihat banyak memberi manfaat kepada pelaksanaan zakat *al-gharimin* perubatan seiring dengan cabaran pandemik yang menular kini.

Kajian literatur di atas menunjukkan terdapat perbezaan dalam penentuan konsep dan ciri-ciri kelayakan penerima zakat di bawah asnaf *al-gharimin* yang diguna pakai oleh institusi-institusi zakat di Malaysia. Penelitian terhadap konsep dan ciri asnaf *al-gharimin* dalam hadis perlu dilakukan bagi mencadangkan penyelesaian masalah berkaitan agihan kepada masyarakat termasuk mereka yang ditimpa wabak seumpama pandemik Covid 19. Kajian ini diharapkan menjadi titik tolak kepada kajian yang lebih mendalam dan terperinci pada masa akan datang.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini mengaplikasikan metode kajian analisis sekunder dengan merujuk kepada hadis-hadis Nabi SAW yang membincangkan tentang asnaf *al-gharimin* serta bahan rujukan lain sama ada daripada kitab-kitab, artikel-artikel jurnal atau laman-laman web institusi zakat dan majlis agama Islam negeri-negeri di Malaysia. Pada peringkat awal beberapa buah kitab yang membincangkan hadis berkaitan asnaf *al-gharimin* dikumpulkan. Berikutnya, beberapa hadis yang berkaitan dengan asnaf *al-gharimin* telah dipilih. Melalui hadis yang dipilih, konsep dan ciri-ciri asnaf telah berjaya dikenalpasti. Data-data seterusnya dianalisis secara induktif dan deduktif.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Konsep Zakat Asnaf al-Gharimin.**

Zakat dari segi bahasa sebagaimana dinyatakan di dalam Kamus *Al-Mu'jam Al-Wasith* berasal daripada perkataan زكا الشيء يزكو yang membawa erti barakah, tumbuh, bersih dan baik. Ia juga banyak ditakrifkan sebagai *taharah* iaitu pembersihan dan penyucian berdasarkan firman Allah s.w.t. (Lisan al-Arab Juz.6 hlm 65).

“ Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang membersihkan jiwa”

(Surah al-Shams: 9)

Ayat di atas bermaksudnya mereka yang membersihkan jiwa daripada akhlak-akhlak yang buruk adalah antara mereka yang memperolehi kejayaan.

Manakala dari segi syarak, zakat bermaksud kadar tertentu ke atas beberapa jenis harta tertentu yang diwajibkan untuk dikeluarkan oleh golongan tertentu setelah mencukupi syarat-syarat yang tertentu. Ini bermaksud segala harta yang telah ditetapkan oleh syarak daripada harta-harta zakat yang telah mencapai kiraan jumlah tertentu serta tempoh tertentu, apabila memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan maka berkewajipan dikeluarkan zakat daripada

harta tersebut (Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho, and Ali Asy-Syarbaji 2011). Harta-harta tersebut adalah terdiri daripada matawang (emas dan perak), binatang ternakan, tanaman dan buah-buahan, barangan perniagaan, galian dan *rikaz* (harta karun)(Mohd Faisol, Ibrahim 2019).

Adapun selain daripada perkara-perkara yang diwajibkan zakat di atas, syariat Islam juga telah menetapkan asnaf zakat yang layak menerima agihan daripada wang zakat yang telah dikumpul. Tujuannya adalah bagi membantu memenuhi keperluan pihak-pihak tersebut serta menyeimbangi ekonomi negara. Terdapat 8 asnaf yang berhak menerima zakat iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, fisabilillah, *al-gharimin*, ibnu sabil and riqab. Salah satu daripada asnaf tersebut ialah golongan *al-gharimin* yang menjadi fokus perbincangan kajian ini.

*Al-Gharimin* atau orang yang berhutang merupakan salah satu daripada asnaf yang berhak dan layak menerima zakat. Istilah *al-gharimin* berasal dari istilah bahasa arab yang bermaksud orang yang terikat dengan perjanjian (Manzur 1883). Namun dari segi istilah syarak terdapat beberapa takrifan yang berbeza daripada beberapa mazhab fiqh. Takrifan menurut Mazhab Hanafi menyatakan bahawa *al-gharimin* ialah orang yang berhutang dan tidak memiliki nisab harta yang melebihi daripada kadar hutangnya. Manakala mengikut mazhab Syafie dan Hanabilah, *al-gharimin* terbahagi kepada dua, pertama ialah orang yang berhutang untuk dirinya atau orang lain sama ada tujuan kebajikan atau maksiat dan kedua orang yang berhutang untuk mendamaikan pertikaian walaupun yang berhutang itu adalah orang kaya (Mahadi, Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, and Harun 2014). Menurut (Al-Zuhaili, 2007) pula konsep *al-gharimin* boleh difahami sebagai seseorang yang berhutang kerana sesuatu tujuan seperti berhutang bagi memenuhi keperluan diri, keluarga atau tanggungannya serta berhutang atas premis bagi mendamaikan kedua belah pihak yang bertelingkah dengan syarat hutang-hutang tersebut adalah atas perkara kebaikan serta ia memerlukan penyelesaian yang segera dan tuntas oleh pihak yang berhutang.

### **Konsep dan ciri Asnaf al-Garimin Dalam Hadis Nabi SAW**

Berdasarkan kajian dan semakan terhadap hadis-hadis Nabi SAW yang membicarakan tajuk berkenaan agihan zakat terhadap asnaf *al-gharimin*, berikut ialah hadis-hadis yang boleh dijadikan panduan dalam penetapan konsep dan kriteria penerima zakat di bawah asnaf *al-Gharimin* yang bermaksud:

“Daripada Qabisah bin Mukhariq al-Hilali yang berkata: “Aku telah menanggung bebanan yang banyak lantas aku pergi mengadu kepada Rasulullah SAW. Maka Baginda bersabda mafhumnya: ‘Tetaplah kamu di sini sehingga datang kepada kami sedekah dan kami akan perintahkan supaya diberi kepadamu’. Kata Qabisah: ‘Kemudian Baginda SAW bersabda: ‘Hai Qabisah! Sesungguhnya meminta-minta tidak halal kecuali untuk tiga golongan sahaja. Lelaki yang menanggung bebanan maka halallah baginya meminta sehingga menyelesaikannya kemudian menyimpannya, lelaki yang ditimpa bencana sehingga binasa hartanya maka halal baginya meminta sehingga mencukupi bagi dirinya dalam meneruskan sisa kehidupan atau menyelesaikan keperluannya, lelaki yang ditimpa kefakiran sehingga datang tiga orang lelaki yang berakal dan bermaruah daripada kaumnya mengiyakannya yang dia telah ditimpa kefakiran maka layaklah untuknya meminta sehingga menyelesaikan keperluan hidupnya. Hai Qabisah! Selain daripada itu, meminta-minta itu dianggap sebagai haram dan memakannya adalah haram.”

Kata-kata Qabisah bermaksud aku menanggung hutang seseorang yang wajib dibayar. (الحمالة) bermaksud apa yang ditanggung oleh seseorang sama ada hutang atau diyat. Kebiasaan orang Arab apabila berlaku masalah (yang membawa kepada pembunuhan dan sebagainya)

mereka akan dikenakan hukuman denda dalam bentuk diyat atau seumpamanya. Apabila keadaan ini berlaku, salah seorang daripada mereka secara sukarela akan mengganggu dan menunaikan denda tersebut sehingga selesai masalah yang dihadapi. Tiada keraguan bahawa tindakan sukarela menanggung denda ini termasuk dalam kategori akhlak yang mulia. Hanya orang-orang baik dan yang mempunyai kedudukan sahaja yang mampu melaksanakannya. Menjadi kebiasaan dalam kalangan orang Arab untuk segera membantu sesiapa sahaja yang mempunyai masalah kewangan. Mereka akan memberikan bantuan yang mencukupi buat orang tersebut sekaligus menyelesaikan tanggungannya. Orang yang meminta bantuan tidak pula dipandang serong, malah menjadi suatu kelebihan dan kebanggaan buatnya.

Oleh yang demikian, Qabisah telah memohon bantuan daripada Rasulullah SAW bagi melangsaikan hutang yang ditanggungnya. Sebab itulah, Rasulullah SAW membantunya dengan menentukan hukuman bantuan berdasarkan pemberian. Dan baginda menjanjikan kepadanya bahagian daripada sedekah orang ramai kerana beliau termasuk dalam kategori orang yang berhutang (الغارمين) yang dimaksudkan dalam ayat berkenaan sedekah. Kata-katanya (إِنَّ الْمَسْأَلَةَ لَا تَحِلُّ إِلَّا لِأَحَدٍ ثَلَاثَةً) bermaksud; Apabila Nabi SAW menetapkan larangan meminta-minta daripada orang ramai berdasarkan hadis-hadis larangan berbuat demikian dan berdasarkan *bai'ah* (perjanjian) yang dimeterai (oleh para sahabat dengan Nabi SAW), timbul keperluan baru bagi orang yang menghadapi masalah (kewangan dan sebagainya) untuk meminta pertolongan orang lain, maka Nabi SAW menjelaskan di sini pengecualian terhadap kaedah yang melarang meminta-minta daripada orang ramai, iaitu terdapat tiga golongan yang dibenarkan meminta pertolongan orang lain<sup>1</sup>.

Hadis ini merupakan dalil kepada pensyariatian pemberian bahagian *al-gharimin* sekalipun mereka adalah orang kaya. Hadis ini juga sebagai dalil kepada pengharaman meminta-minta tanpa ada sebab keperluan. Dan bagi sesiapa yang meminta tanpa hajat keperluan, sesungguhnya dia memakan harta haram<sup>2</sup>.

Hadis juga menunjukkan bahawa meminta-minta hukumnya adalah haram melainkan bagi tiga golongan;

**Pertama:** Bagi mereka yang menanggung bebanan iaitu mereka yang menanggung hutang orang lain atau *diyat* orang lain atau menanggung pembiayaan antara dua pihak (yang bertelingkah), kemudian dia tidak dapat memenuhi tanggungan tersebut kerana masalah yang dihadapinya, sekiranya dia kaya, dia tidak dimestikan untuk menyerahkan hartanya. Dia termasuk lima golongan yang dibolehkan untuk menerima zakat sekalipun kaya seperti yang disebut dalam hadis Atha' bin Yassar dan hadis Abi Sa'id.

**Kedua:** Mereka yang binasa harta bendanya sama ada disebabkan bencana dari langit atau bumi seperti sejuk dan tenggelam dan seumpamanya. Seinggakan dia tidak memiliki belanja sehariannya, maka dia dibolehkan meminta (bantuan) untuk mencukupkan keperluannya.

**Ketiga:** Mereka yang ditimpa bencana tetapi tidak boleh meminta bantuan melainkan setelah dipersaksikan keadaannya oleh orang lain dalam kalangan kaumnya. Ini kerana para saksi tersebut benar-benar mengetahui keadaan dirinya. Disyaratkan saksi ini terdiri daripada mereka yang berakal dan tidak bodoh atau lupa. Oleh yang demikian, fuqaha *al-Syafi'iyah* menyebut berdasarkan nas hadis: Tidak diterima persaksian yang kurang daripada tiga orang dalam bab pertolongan (*al-Isar*).

Sebahagian ulama yang lain berpendapat, mencukupi dua orang sahaja sebagai saksi berdasarkan qiyas ke atas persaksian lain secara umum dan apa yang disebut di dalam hadis

<sup>1</sup> al-Qurtubi, Abu al-Abbas (1996) *al-Mufhim Lima Asykala Min Talkhis Kitabi Muslim*, jil.3, Beirut: Dar Ibn Kathir, m/s87.

<sup>2</sup> Lihat *al-Syarh al-Kabir Ma'a al-Mughni* 3/700, dan *al-Majmuk* 6/217-218, *Tafsir al-Qurtubi* 8/184 dan *Fiqh al-Zakat* 2/630.

mereka tanggungan sebagai bentuk galakan sahaja. Hal ini terpakai ke atas orang yang diketahui kekayaannya, kemudian dia memerlukan bantuan. Adapun sekiranya dia tidak kaya, maka dibenarkan untuk dia meminta bantuan sekalipun tidak dipersaksikan oleh orang lain bahawa dia memang benar-benar memerlukan. Kata-katanya adalah diterima. Ada pendapat lain yang mengharamkannya daripada meminta-minta iaitu pendapat Ibn Abi Layla dan (sekiranya dia meminta bantuan) ini akan menjatuhkan keadilan dirinya. Secara zahirnya, daripada perbincangan hadis-hadis, terdapat larangan meminta-minta melainkan bagi tiga golongan yang disebutkan dan orang yang bertanggungjawab menguruskan hal ini ialah sultan seperti yang dibahaskan sebelum ini<sup>3</sup>.

Hadis seterusnya yang dibincangkan ialah hadis yang bermaksud:

“Daripada Atha’ bin Yasar RA sesungguhnya Rasulullah SAW telah bersabda: Tidak halal sedekah kepada orang kaya, kecuali kepada lima orang<sup>4</sup>: pejuang di jalan Allah, atau amil yang menguruskan zakat atau orang yang banyak berhutang atau orang yang membeli harta sedekah dengan hartanya sendiri, atau orang kaya mendapat hadiah dari jirannya yang miskin dari harta zakat yang dikeluarkan dari orang kaya tersebut.

Menurut al-Khattabi, maksud orang yang berhutang tetapi kaya, digambarkan sebagai seorang lelaki yang menanggung beban demi kebajikan dan untuk memperbaiki keadaan yang mendesak lalu dia memberikan sedekah. Dia memiliki harta, jika sekiranya menjual harta yang ada padanya pasti dia mampu memperoleh apa yang dia perlukan. Dia boleh diberi zakat bagi membolehkan dia membayar hutang. Adapun orang yang berhutang atas diri sendiri, dia termasuk dalam golongan orang susah dan dia tidak termasuk dalam pengertian ini (الغارمون) bahkan dia termasuk dalam golongan fakir.

Abu Hanifah pula berpendapat, *al-Gharim* adalah orang yang tidak punya harta disebabkan nilai hutang yang mengatasi hartanya. Dalam kitab al-Hidayah, yang dimaksudkan dengan *al-gharim* ialah seseorang yang berhutang dan tidak memiliki sebarang harta jika melunaskan segala hutangnya. Pendapat ini ditolak kerana dia termasuk dalam kumpulan faqir.

Kesimpulan daripada hadis di atas, *al-Gharim* dibolehkan baginya mengambil bahagian zakat untuk melunaskan hutang yang ditanggungnya sekalipun dia seorang kaya. Keadaannya sama seperti orang yang berjuang *fi sabilillah* dan golongan *muallaf* menurut pendapat Imam al-Syafie, Imam Ahmad dan jumhur ulama. Bagi Imam Abu Hanifah pula: *Al-Gharimun* tidak boleh mendapat hak zakat melainkan dia jatuh fakir berdasarkan makna umum hadis Abdullah bin Amru RA dan hadis yang sebelumnya bersama hadis Muaz RA. Menurut Imam al-Syawkani: Tidak ada sebab untuk mensyaratkan fakir kepada golongan *al-Gharimun* kerana al-Quran sendiri tidak mensyaratkan yang demikian. Dan *al-Sunnah* pun secara jelas tidak mensyaratkan fakir padanya sebagaimana ada dinyatakan dalam hadis Abu Said RA.


Kemudian Imam al-Syawkani menyatakan bahawa hadis ini secara jelas tidak mensyaratkan fakir pada golongan *al-Gharim*. Dan menyebut bersamanya atau seorang lelaki itu membeli harta sedekah dengan hartanya sendiri, diberikan zakat kepada *al-Gharim* untuk beliau membayar hutangnya walaupun mempunyai harta yang banyak. Menurut al-Kasani berkaitan hadis ini, sesungguhnya ia sama seperti jawapannya tentang masalah orang yang berjuang *fi sabilillah*. Al-Kasani berpendapat disebut *al-Gharim* itu adalah seorang kaya dengan menganggap kayanya itu sebelum dia terlibat dengan hutang yang dilakukannya. Sesungguhnya apabila dia telah berhutang maka sudah tentu dia perlukan bantuan untuk melunaskan hutangnya<sup>4</sup>.

<sup>3</sup> Subul al-Salam, 1/551

<sup>4</sup> *Mishkah al-Masobih*, Waliy al-Dinn al Tibrizi, 6/486.

Berdasarkan perbincangan terhadap hadis-hadis yang dikemukakan ini, menunjukkan bahawa ciri-ciri mereka yang layak dikategorikan sebagai asnaf *al-gharimin* ialah seseorang yang berhutang atas keperluan asas bagi diri, keluarga atau tanggungannya. Ia termasuklah berhutang pada sudut memenuhi keperluan asas dalam kehidupannya seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan, kesihatan dan seumpamanya. Selain itu, asnaf *alGharimin* turut mewakili mereka yang berhutang untuk masalah atau kepentingan umat Islam yang lain seperti berhutang bagi menanggung bebanan atau konflik antara umat Islam seperti bayaran diyat atau pampasan atas kes pembunuhan walaupun seseorang itu adalah seorang yang kaya selagi mana dia memikul hutang tersebut. Mereka yang menjadi penjamin kepada hutang seseorang yang lain juga turut layak untuk memohon zakat di bawah asnaf *al-gharimin*. Ini kerana pemberian zakat kepada asnaf *al-gharimin* bukan sekadar memelihara hak penghutang namun turut memelihara kedudukan pemberi hutang tertakluk kepada terma-terma yang ditetapkan.

Ciri-ciri penerima asnaf *al-gharimin* juga termasuk mereka yang ditimpa dengan sebarang musibah atau bencana sama ada berpunca daripada langit atau bumi sehingga menyebabkan hilangnya pendapatan atau menjejaskan taraf kehidupan dirinya atau keluarga dan tanggungannya, maka turut layak menerima zakat *al-gharimin*. Ia juga merangkumi mereka yang mengalami kemelesetan dan kemerosotan kehidupan seperti kedai, perusahaan atau syarikat tidak dapat beroperasi seperti biasa akibat daripada wabak pandemik Covid-19 yang menimpa masyarakat ketika ini. Ciri asnaf *al-gharimin* dapat dilihat pada rajah di bawah (Rajah 1)



Rajah 1. Ciri-Ciri *Al-gharimin* Berdasarkan Hadis

## KESIMPULAN

Konsep asnaf *al-gharimin* dalam hadis Nabi SAW menjelaskan bahawa terdapat lima ciri asnaf *al-gharimin* yang dapat ditetapkan berdasarkan keperluan masyarakat serta kewujudan musibah yang pelbagai. Oleh yang demikian, penjelasan dan huraian ciri-ciri asnaf *al-gharimin* menurut kerangka hadis Nabi SAW perlu diteliti secara mendalam oleh institusi-institusi agihan zakat di Malaysia kerana ia sangat signifikan bagi membantu penyusunan dan penetapan agihan zakat asnaf *al-gharimin* yang lebih tepat kepada mereka yang benar-benar berhak secara telus dan efisien. Kajian yang lebih mendalam perlu dilaksanakan pada masa akan datang sebagaimana pandangan Md Yusof & Md Tahir (2015). Mereka mencadangkan agar dibuat satu penyelidikan yang lebih terperinci dan holistik menerusi platform temu bual dengan para pegawai institusi zakat di Malaysia serta pakar-pakar dalam bidang zakat bagi mengemukakan pengertian dan penetapan ciri-ciri kelayakan zakat asnaf *al-gharimin* yang lebih komprehensif dan seragam untuk diaplikasikan oleh setiap institusi zakat di Malaysia.

## RUJUKAN

- Al-Zuhaili, M. (2007). *al Mu'tamad fi al Fiqh al-Syafie, Jil. 2*. Dar al Qalam.
- Bayram, K., & Altarturi, B. (2020). *Waqf Al-gharimin Approach for Non- Performing Loans of Cooperative Banks with a Special Focus on Marawi Case*.  
<https://doi.org/10.26414/A064>
- Hairunnizam Wahid, S. A., & Kader, R. A. (2016). Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan asnaf: Kajian di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 4 (1)(January 2010), 141–170.
- Hasan, B., & Muhammad Hakimi, A. T. (2014). Hutang vs Agihan Dana Zakat Al-gharimin. *Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke- Vii, September*, 1–9.
- Ibrahim, M. F., & Sahrim, M. (2019). Peranan Agihan Zakat Sebagai Alat Kewangan Sosial Islam Bagi Melangsaikan Hutang Golongan Al-gharimin Di Malaysia: Kata kunci: Zakat, Agihan Zakat, Hutang, Al-gharimin, Malaysia. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 45–53.
- Liyana, M. J. (2016). *Indebtedness Issue Among Al-Gh in Brunei Darussalam*.
- Mahadi, M., Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, & Harun, S. S. M. (2014). Pentakrifan Asnaf Gharimin di Institusi- Institusi Zakat di Malaysia. *Elmtiyaz*.
- Md Yusof, S., & Md Tahir, R. (2015). Analisis tafsiran asnaf al-gharimin di Malaysia. *International Journal of Management Studies (IJMS)*, 22(S), 81–100.
- Mohammad, M., Engku Ali, E. M. T., & Md Harun, S. S. (2014). *Pentakrifan Asnaf Gharimin di Institusi-institusi Zakat di Malaysia*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sulaiman, S. (2020). Mencari Penawar Bagi “Kluster” Al-gharimin COVID-19. *Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama)*.  
<https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1889772>
- Al-Zuhaili, M. (2007). *al Mu'tamad fi al Fiqh al-Syafie, Jil. 2*. Dar al Qalam.
- Bayram, K., & Altarturi, B. (2020). *Waqf Al-gharimin Approach for Non- Performing Loans of Cooperative Banks with a Special Focus on Marawi Case*.  
<https://doi.org/10.26414/A064>
- Hairunnizam Wahid, S. A., & Kader, R. A. (2016). Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan asnaf: Kajian di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 4 (1)(January 2010), 141–170.
- Hasan, B., & Muhammad Hakimi, A. T. (2014). Hutang vs Agihan Dana Zakat Al-gharimin. *Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke- Vii, September*, 1–9.
- Ibrahim, M. F., & Sahrim, M. (2019). Peranan Agihan Zakat Sebagai Alat Kewangan Sosial Islam Bagi Melangsaikan Hutang Golongan Al-gharimin Di Malaysia: Kata kunci: Zakat,



- Agihan Zakat, Hutang, Al Gharimin, Malaysia. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 45–53.
- Liyana, M. J. (2016). *Indebtedness Issue Among Al-Gh in Brunei Darussalam*.
- Mahadi, M., Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, & Harun, S. S. M. (2014). Pentakrifan Asnaf Gharimin di Institusi- Institusi Zakat di Malaysia. *Elmtiyaz*.
- Md Yusof, S., & Md Tahir, R. (2015). Analisis tafsiran asnaf al-gharimin di Malaysia. *International Journal of Management Studies (IJMS)*, 22(S), 81–100.
- Mohammad, M., Engku Ali, E. M. T., & Md Harun, S. S. (2014). *Pentakrifan Asnaf Gharimin di Institusi-institusi Zakat di Malaysia*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sulaiman, S. (2020). Mencari Penawar Bagi “Kluster” Al-gharimin COVID-19. *Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama)*.  
<https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1889772>
- Mahadi, Mohammad, Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, and Syahirah Salwa Md Harun. 2014. “Pentakrifan Asnaf Gharimin Di Institusi- Institusi Zakat Di Malaysia.” *Elmtiyaz*.
- Manzur, Sheikh Ibnu. 1883. “Kitab Lisan Al-‘Arab - Karangan Syekh Ibn Manzur.Pdf.” University Of Toronto.
- Mohd Faisol, Ibrahim, Muhammad Sahrim. 2019. “Peranan Agihan Zakat Sebagai Alat Kewangan Sosial Islam Bagi Melangsaikan Hutang Golongan Al-gharimin Di Malaysia.” *Labuan E-Journal Of Muamalat and Society* 13: 45–53.
- Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho, and Ali Asy-Syarbaji. 2011. *Al-Fiqh Al-Manhaji Mazhab Al-Syafie*.